

24 JUN 1998

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN MOZAMBIQUE/I

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah mengirimi perutusan tahniah kepada Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano sempena Hari Kemerdekaan republik itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya, Dr Pascoal Manuel Mocumbe, menurut kenyataan Wisma Putra di sini.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir berkata beliau menerima undangan Presiden Chissano untuk melawat Mozambique pada Julai.

"Saya berharap semoga kita dapat terus mencari jalan untuk memperluaskan bidang kerjasama demi kepentingan bersama rakyat kita," kata beliau.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada Menteri Luar negara itu Dr Leonardo Simao.

-- BERNAMA

AZZ FAZ